

kerjaya



Mohd Ghazali menunjukkan kaedah menggunakan peralatan menerusi pembelajaran dalam kilang di kampus UMP.



UMP mewujudkan kilang dalam kampus bagi mendedahkan pelajarinya kepada dunia sebenar industri.

'Kilang' dalam kampus di UMP

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Sering kedengaran keluhan industri mengenai 'kejangalan' graduan universiti ketika di lapangan walaupun mereka mempunyai ilmu pengetahuan tinggi berkaitan teori dalam menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu.

Perkara itu disebarkan kekurangan pendedahan berkaitan dunia sebenar alam pekerjaan, termasuk pengendalian peralatan asas yang tidak disediakan di universiti dan ia sedikit sebanyak menjejaskan kebolehsasaran graduan.

Menyadari permasalahan itu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Pengurusan Industri (FIM) mengambil inisiatif mewujudkan kilang dalam kampus yang mendedahkan pelajarinya kepada dunia sebenar industri terletak di UMP Kampus Gambang.

Pensyarah FIM, Mohd Ghazali Maarof, berkata idea untuk membina kilang pembelajaran dalam kampus itu bermula sejak tahun 2016 dan fasa pertama siap pada tahun lalu yang menyaksikan sebuah premis Industri 2.0 berjaya dibangunkan dengan kos RM200,000.

Beliau yang juga Ketua Teknikal FIM berkata, UMP membangunkan kilang pembelajaran dalam kampus yang mampu membina produk atau prototaip elektrikal dan ia memberi kelebihan kepada pelajarinya sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

Peralatan sebenar

"Menerusi pembelajaran dalam kilang ini, pensyarah boleh memberikan teori dan menunjukkan kepada pelajar kaedah penggunaan peralatan dengan situasi sama seperti berada dalam industri.

"Pelajar juga akan diberi tugas-tugas dalam bentuk projek yang memerlukan mereka

menggunakan peralatan sebenar dan pada masa sama memainkan peranan dalam sebuah pasukan dengan rakan lain untuk menghasilkan produk atau menyelesaikan masalah.

"Ia bermakna pelajar juga didedahkan dengan kemahiran lain seperti bagaimana bekerjasa, susun atur peralatan dan logistik supaya operasi berjalan lancar. Pendek kata mereka dinilai berdasarkan dunia industri sebenar," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Pengalaman teliti

Mohd Ghazali berkata, proses untuk menghasilkan kilang pembelajaran itu memerlukan perancangan teliti supaya ia benar-benar menepati kehendak industri yang mahu tenaga kerja mampu berdegap apa jua situasi.

"Kita ambil pandangan daripada pihak industri dan 'orang' lama dalam industri yang mempunyai pengalaman berpu-



Pihaknya kini sedang merancang untuk menaik taraf kilang pembelajaran itu bagi memenuhi ciri-ciri kilang Industri 4.0 yang berasaskan robotik dan ia bakal meningkatkan lagi program teknikal dan vokasional (TVET) di UMP"

Mohd Ghazali Maarof,
Pensyarah FIM UMP

luh tahun, dengan menjadikan kilang ini fleksibel serta memudahkan pergerakan operasi.

"Oleh demikian, susun atur agak berbeza, sebagai contoh, lazimnya kita lihat wayar diletakkan di lantai tetapi kita letakkannya di atas supaya mudah untuk pelajar atau pekerja melakukan kerja pemasangan komponen," katanya.

Berkongsi kepakaran

Beliau berkata, pihaknya kini sedang merancang untuk menaik taraf kilang pembelajaran itu bagi memenuhi ciri-ciri kilang Industri 4.0 yang berasaskan robotik dan ia bakal meningkatkan lagi program teknikal dan vokasional (TVET) di UMP.

"Kita berharap untuk membangunkannya pada tahun depan dan apabila siap, kita akan mempunyai dua kilang pembelajaran, bagus juga sekiranya pelajar didedahkan dengan kedua-dua pendekatan termasuk kaedah manual sebagai perse-

diaan berpedas kepada cabaran," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Keusahawanan Universiti Malaysia Pahang (MP/PC), Nazrudin Bujang, berkata kilang pembelajaran itu bukan hanya memberi manfaat kepada pensyarah dan fakulti FIM, sebaliknya semua fakulti di UMP.

"Mereka boleh mengu- nakannya untuk membina prototaip atau produk selepas melakukan penyelidikan. Selain itu, kita juga dapat membantu masyarakat, terutama pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mengembangkan perniagaan mereka.

"Kita pernah membawa sekumpulan pengusaha PKS ke sini dan mereka dapat melihat sendiri bagaimana peralatan dan mesin di kilang pembelajaran itu dapat membantu meningkatkan produktiviti, selaras hasrat Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim untuk berkongsi kepakaran dengan masyarakat," katanya.